

# Sistem Repotori Digital Perpustakaan UniMAP

Diselaraskan oleh Mazmin Mat Akhir [mazmin@unimap.edu.my](mailto:mazmin@unimap.edu.my)

## PENGENALAN

Perkembangan jurnal elektronik memberi pelbagai impak kepada Perpustakaan dalam aspek keberkesanan pengurusan koleksi dan akses kepada maklumat ilmiah. Dalam masa yang sama, Perpustakaan berhadapan dengan cabaran mengekalkan langganan kepada koleksi jurnal elektronik disebabkan oleh peningkatan kos langganan dari tahun ke tahun. Tumpuan akses kepada koleksi jurnal elektronik terbitan luar negara mewujudkan masalah jurang akses antara maklumat tempatan dan terbitan luar negara. Terdapat situasi, para penyelidik tempatan merasa lebih sukar untuk mendapatkan penerbitan ilmiah yang dihasilkan oleh para ilmuan tempatan. **Sistem Repotori Digital** ini dibangunkan khusus untuk mengumpul, menyimpan, memelihara dan menyebarluas kandungan ilmiah yang dihasilkan oleh warga institusi.

## KONSEP SISTEM REPORATORI DIGITAL

**Reporitori Digital** menggunakan pendekatan secara kolaboratif dalam aspek pembangunan koleksi digital ilmiah Universiti. Ini melibatkan peranan warga institusi dalam menyumbang atau mendeposit fail elektronik secara langsung ke dalam sistem berkenaan. Setiap individu penyumbang atau pendeposit dikelompokkan dalam komuniti khusus yang dibangunkan dalam sistem tersebut. Komuniti boleh terdiri daripada Pusat Pengajian, Kluster Penyelidikan, Jabatan, Unit dan Pusat Kecemerlangan. Setiap komuniti menawarkan senarai koleksi yang telah dikenal pasti seperti kertas kerja persidangan, jurnal, tesis, teks ucapan dan banyak lagi. Walau bagaimanapun, individu penyelidik yang bergiat aktif dalam projek penyelidikan, penulisan dan penghasilan projek penyelidikan boleh membentuk satu komuniti khusus di bawah nama penyelidik berkenaan.

## KANDUNGAN SISTEM REPORATORI DIGITAL

**Sistem Repotori Digital** memuatkan kandungan elektronik bahan-bahan seperti manuskrip, artikel jurnal atau majalah, kertas kerja, polisi atau dasar, teks ucapan, laporan penyelidikan, bab dalam buku, laporan tahunan, brosur, keratan akhbar, tesis, laporan projek tahun akhir, kertas soalan peperiksaan lepas, minit mesyuarat jawatankuasa dan sebagainya.

## PROSES PENERBITAN DOKUMEN ELEKTRONIK DAN DIGITAL MELALUI SISTEM REPORATORI DIGITAL

**Sistem Repotori Digital** menyediakan kemudahan proses muat turun dokumen elektronik secara atas talian sama ada melalui rangkaian kampus atau secara jarak jauh (*remote*). Hanya individu berdaftar sahaja yang layak menyumbang sebagai pendeposit. Sistem ini

menyediakan template kemasukan data asas merangkumi judul, pengarang, tarikh penulisan dihasilkan, nama persidangan dan sebagainya. Maklumat tersebut yang dinamakan metadata asas akan disimpan di dalam sistem bersama dokumen elektronik yang telah dimuat turun. Perpustakaan akan memainkan peranan dalam proses penilaian aspek berikut:


- ▶ Kesesuaian kandungan dokumen elektronik dengan jenis koleksi yang ditetapkan
- ▶ Kesesuaian kandungan dokumen elektronik dengan orientasi Sistem Repotori Digital
- ▶ Semakan sama ada penulisan tersebut tertakluk kepada Akta Hak Cipta yang dikawal oleh pihak penerbit atau pengaruh persidangan
- ▶ Kandungan metadata sama ada mencukupi untuk meningkatkan kebarangkalian akses kepada dokumen semasa proses pencarian
- ▶ Ketepatan maklumat metadata yang disediakan oleh penyumbang /pendeposit

Perpustakaan akan memainkan peranan menyunting kandungan metadata, meluluskan dokumen tersebut untuk diterbitkan, menyimpan sementara dokumen tersebut sehingga sesuatu isu diselesaikan atau mengembalikan dokumen tersebut kepada penyumbang atas dasar ketidaksesuaian bahan mengikut kriteria yang ditetapkan.

Penyumbang akan menerima e-mel makluman atau pemberitahuan sama ada sesuatu dokumen elektronik telah diterbitkan, sebab-sebab menolak penerbitan sesuatu kandungan dan permohonan mendapatkan maklumat lanjut mengenai metadata yang disediakan. Dokumen elektronik yang telah diterbitkan boleh diakses oleh pengguna sama ada berdasarkan kumpulan sasaran yang ditetapkan, keseluruhan komuniti UniMAP atau pengguna Internet.

## MENENTUKAN KELOMPOK SASARAN PEMBACA

Perisian DSpace yang digunakan untuk membangunkan **Sistem Repotori Digital** membenarkan penetapan kelompok sasaran yang layak merujuk sesuatu dokumen elektronik. Ini boleh dilakukan dengan memaklumkan kepada **Administrator Sistem Repotori Digital**. Kemudahan ini penting apabila sesuatu dokumen yang dimuat turun hanya perlu dirujuk oleh ahli kumpulan penyelidik, ahli jawatankuasa, peserta bengkel atau persidangan dan yang paling penting para pelajar yang mengikuti kursus atau kelas tutorial tertentu.



## BAGAIMANA MENDAFTAR SEBAGAI PENGGUNA BARU?

- ▶ Login ke URL <http://dspace.unimap.edu.my>
- ▶ Klik pada MyDSpace
- ▶ Klik pada pilihan *New User? Click here to register*
- ▶ Sistem akan memaparkan skrin *User Registration*
- ▶ Masukkan alamat e-mel pada petak *E-mail Address*
- ▶ Klik butang *register*
- ▶ Buka peti e-mel anda
- ▶ Semak sama ada anda menerima e-mel daripada *Administrator Dspace*
- ▶ Klik pada link yang disediakan dalam kandungan e-mel berkenaan
- ▶ Tentukan kata laluan atau *password* anda pada skrin penentuan kata laluan
- ▶ Selepas melengkapkan proses pendaftaran, anda boleh mengakses kandungan teks penuh koleksi digital dalam Sistem Repotori Digital

## BAGAIMANA MENDAFTAR SEBAGAI PENDEPOSIT?

Anda tidak perlu mendaftar sekali lagi untuk menyumbang dokumen elektronik dalam sistem Repotori. Sebaliknya, anda hanya perlu e-mel kepada [media@unimap.edu.my](mailto:media@unimap.edu.my) atau telefon ke sambungan **(04) 979 8133** untuk memaklumkan bahawa anda ingin menyumbang dokumen elektronik.

## BAGAIMANA MEMUAT TURUN DOKUMEN ELEKTRONIK?

Perpustakaan menyediakan dua pilihan kepada penyumbang dokumen sama ada untuk memuat turun secara atas talian atau membuat permohonan muat turun melalui e-mel. Panduan muat turun dokumen elektronik secara atas talian boleh didapati di laman web Perpustakaan di <http://mylib.unimap.edu.my>.

## PERTANYAAN LANJUT

Sila hubungi Puan Mazmin Mat Akhir (e-mel: [mazmin@unimap.edu.my](mailto:mazmin@unimap.edu.my) / Tel (04) 979 8777) atau Encik Mohd Shahrul Annur Alawi (e-mel: [shahrul@unimap.edu.my](mailto:shahrul@unimap.edu.my) / Tel (04) 979 8133)